

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 MEI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Malaysia mungkin perlu import lebih banyak gas jika tidak alih kepada tenaga mampan

Malaysia mungkin perlu import lebih banyak gas jika tidak alih kepada tenaga mampan

KUALA LUMPUR - Malaysia mungkin berdepan keperluan mengimport lebih banyak gas bagi tujuan penjaanaan tenaga elektrik pada tahun-tahun akan datang sekiranya terus bergantung kepada komoditi itu tanpa usaha mempercepat peralihan kepada tenaga lebih lestari.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pada tahun lepas Malaysia mengimport kira-kira 25 peratus gas bagi memenuhi keperluan negara ekoran kekurangan pengeluaran sumber asli seperti minyak dan gas.

“Saya kira tidak ramai tahu bahawa kita mula mengimport gas. Bagi tahun ini, saya ingat, dijangkakan sehingga kira-kira 30 peratus daripada gas adalah import dan keadaan ini akan berterusan.

“Oleh itu, kita perlu memaklumkan perkara sebenar kepada rakyat (walaupun) hakikat ini menyakitkan,” katanya ketika menjadi ahli panel dalam program ‘Minister’s Conversation’ (Bicara Menteri) 2024, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini pada Jumaat.

Menjelaskan selanjutnya, Rafizi berkata, pengeluaran minyak mentah negara pada masa ini amat rendah iaitu sekitar 400,000 tong sehari berbanding



RAFIZI

700,000 tong sehari pada 20 tahun lepas.

Malah, jika tiada sebarang tindakan dibuat menjelang 2050, beliau berkata, Malaysia akan bergantung sepenuhnya kepada tenaga gas import yang akan hanya meningkatkan kos sara hidup.

Menyentuh dividen daripada Petronas, beliau berkata, langkah pengambilan setiap RM1 dividen berkenaan

turut beri kesan kepada syarikat minyak dan gas negara itu, termasuk mengurangkan kemampuan kewangannya bagi mencari telaga minyak baharu.

Selain itu, Rafizi turut berkongsi beberapa cabaran untuk menstruktur semula ekonomi negara yang tidak dapat dilaksanakan dengan hanya membuat kerangka ekonomi.

“Sebaliknya, ada perkara yang perlu dilepaskan...tidak mungkin keadaan seperti biasa. (Pertamanya) keputusan perlu dibuat bagi memastikan keadaan tidak semakin buruk.

“Kedua sebarang perubahan daripada status quo perlukan perubahan minda dan budaya yang tidak mudah bagi sesebuah negara yang mempunyai pandangan serta amalan sedemikian sejak berdekad lamanya,” katanya. - *Bernama*